

10/08/2003

Dr Mahathir lawat Algeria mulai hari ini

Mior Kamarul Shahid

ALGIERS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan lawatan rasmi ke Algeria hari ini bagi mengeratkan pelbagai hubungan kerjasama kedua-dua negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan Negara-Negara Berkecuali (NAM) itu.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini lewat malam ini (jam 7 petang waktu Nigeria dan 1 pagi waktu Malaysia).

Awal pagi esok, Dr Mahathir akan meletakkan kalungan bunga di Maqam Syahid (Monument of Martyrs) di sini sebelum mengadakan pertemuan dengan Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika, kemudian diikuti perwakilan kedua-dua negara. Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan pelbagai perkara hubungan dua hala di samping isu antarabangsa, kerjasama ekonomi, sains dan teknologi.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan hadir di upacara menandatangani perjanjian perdagangan kedua-dua negara sebelum membuat lawatan ke bandar baru, Sidi Abdellah.

Algeria adalah negara perdagangan ketiga terbesar bagi Malaysia daripada 46 negara Afrika selepas Mesir dan Afrika Selatan. Tahun lalu, eksport Malaysia ke Algeria berjumlah 431.0 juta berbanding 116.6 juta pada 2001 manakala import 9.4 juta tahun lalu berbanding 23.2 juta pada 2001.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan yang diberikan oleh Presiden Abdulaziz. Selasa, Dr Mahathir akan melawat Zeraida, kawasan yang dilanda gempa bumi 21 Mei lalu sebelum menemui Perdana Menteri Algeria, Ahmed Ouyahia. Dalam gempa bumi di utara Algeria itu pada ukuran 6.8 skala Richter itu, lebih 2,000 orang terkorban manakala kira-kira 9,000 orang cedera. Ini adalah tragedi gempa bumi paling teruk di negara itu sejak 1980.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan menghadiri dialog perniagaan yang akan dihadiri oleh ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara. Dr Mahathir juga akan mengunjungi Presiden Dewan Kebangsaan Rakyat Algeria, Karim Younes. Ini diikuti menghadiri upacara menandatangani perjanjian pertukaran berita antara Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Algerie Presse Service (AFS)-(tbc).

Dr Mahathir kemudian akan berlepas ke Swaziland untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) di Swaziland. Dr Mahathir kemudian akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Syria.